

Duti eksais rokok elektronik 1 Januari

+Pengilang tempatan perlu mohon lesen Kastam sebelum 15 Disember

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my


Putrajaya: Duti eksais akan dikenakan ke atas peranti rokok elektronik, rokok bukan elektronik dan cecair atau gel rokok elektronik termasuk cecair atau gel vape tanpa nikotin, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir, berkata duti eksais akan dikenakan ke atas barangan terbabit ketika pengimportan dan pelepasan daripada pengilang tempatan dengan peranti rokok elektronik dan peranti rokok bukan elektronik dikenakan duti eksais pada kadar 'ad valorem' 10 peratus, manakala cecair atau gel rokok elektronik serta cecair atau gel vape yang tidak bernikotin pada kadar 40 sen bagi setiap mililiter (ml).

Beliau berkata, pengilang tempatan juga perlu dilesenkan mengikut Seksyen 20 Akta Eksais 1976 dengan bayaran lesen RM4,800 setahun.

Katanya, untuk lesen gudang mengikut Seksyen 25 Akta Eksais 1976 pula, bayaran dikenakan adalah RM2,400 setahun.

"Pengilang tempatan perlu membuat permohonan lesen di



Cecair e-rokok wajar dikenakan cukai lebih tinggi

Langkah tingkat hasil kerajaan, dorong belia hentikan tabiat

oleh wartawan BH
16/11/2021

Pada perantaraan ini, Menteri Kanan Keselamatan dan Pertahanan Datuk Seri Ismail Sabri Pasindihan berkata, kerajaan akan memperkenalkan cukai lebih tinggi kepada peranti rokok elektronik dan cecair atau gel rokok elektronik. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk meningkatkan hasil kerajaan dan mendorong belia hentikan tabiat merokok.

Beliau berkata, kerajaan akan memperkenalkan cukai lebih tinggi kepada peranti rokok elektronik dan cecair atau gel rokok elektronik. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk meningkatkan hasil kerajaan dan mendorong belia hentikan tabiat merokok.

Keratan akhbar BH 26 November lalu.

Peranti rokok elektronik dan peranti rokok bukan elektronik dikenakan duti eksais pada kadar 'ad valorem' 10 peratus.

Abdul Latif Abdul Kadir,
Ketua Pengarah Kastam

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di zon atau negeri yang mana premis kilang atau gudang berada sebelum 15 Disember ini," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Pada 6 November lalu ketika pembentangan Belanjawan 2021, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz, berkata duti eksais akan dikenakan

ke atas peranti rokok elektronik, peranti rokok bukan elektronik dan cecair atau gel rokok elektronik termasuk cecair atau gel vape tanpa nikotin berkuat kuasa 1 Januari depan.

Abdul Latif berkata, untuk tujuan pelesenan, surat permohonan lesen eksais dan borang JKDM nombor 1 yang diisi serta sijil pendaftaran perniagaan atau syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Perlu disertakan juga pelan dan lukisan premis pengilangan, senarai bahan mentah, senarai barang siap, carta aliran proses pengilangan dan kapasiti pengeluaran bagi setahun serta penguatkuasaan mengenai kandungan nikotin dalam cecair atau gel rokok elektronik yang ingin dipasarkan," katanya.